

**Penetapan Had Masa Tuntutan Harta Sepencarian Selepas Kematian Pasangan: Kajian Kes Di  
Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru**

*Determination of The Time Limit of Matrimonial Property 'After the Death of a Spouse': A Case Study at the  
Syariah High Court of Johor Bahru*

Nur Hanis Shafinaz Mahat, Norhoneydayatie Abdul Manap✉, Rahmawati  
Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Parepare, Indonesia

### ABSTRAK

Harta sepencarian telah diiktiraf oleh Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri dan boleh dituntut atas sebab perceraian, poligami atau kematian walaupun tidak pernah dinyatakan di dalam al-Quran mahupun Hadis. Namun demikian, undang-undang bagi harta sepencarian disebabkan kematian pasangan tidak diperuntukkan secara jelas mengenai tempoh had masa tuntutan di dalam mana-mana statut undang-undang dan menyebabkan kekeliruan timbul bagi pihak-pihak yang ingin menuntut. Justeru, objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti sebab-sebab tiada kepastian tempoh had masa yang dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru bagi membuat tuntutan harta sepencarian selepas berlaku kematian pasangan. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menganalisis dokumen melalui 13 kes daripada 30 kes yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru dari tahun 2022 hingga 2024. Selain itu, temu bual separa struktur dengan 3 informan telah dilaksanakan yang terdiri daripada seorang Hakim Syarie, penolong pendaftar dan pegawai sulh di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada tempoh khusus dibenarkan untuk membuat harta sepencarian selepas kematian. Pihak yang membuat tuntutan boleh menuntut harta tersebut pada bila-bila masa dan tempoh kebiasaan tuntutan dibuat adalah dengan waktu yang sesegera mungkin. Oleh itu kajian mencadangkan agar terdapat penetapan undang-undang mengenai tempoh had masa agar permohonan atau tuntutan mengenai harta sepencarian dapat dilaksanakan dengan lebih bersistematik.

### KATA KUNCI

*Harta sepencarian, tempoh had masa, selepas kematian pasangan, Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru, tuntutan.*

### ABSTRACT

*Matrimonial property is recognised under Islamic Family Law in every state and may be claimed on the grounds of divorce, polygamy, or death even though it is not explicitly stated in the Quran or hadis. However, the law regarding determination of time limit of matrimonial property after the death of a spouse is not clearly provided for in any statute, which leads to confusion for parties wishing to make such claims. Therefore, the objective of this study is to identify the reasons for the absence of a clear limitation period permitted by the Syariah High Court of Johor Bahru in claims made after the death of a spouse. This qualitative research involves document analysis of cases reported at the Syariah High Court of Johor Bahru from 2022 to 2024. In addition, semi-structured interviews were conducted with a Syariah Judge, an assistant registrar, and a sulh officer from the same court. The findings of the study show that there is no specific time limit imposed for claiming matrimonial property after the death of a spouse. The claimant may file a claim at any time, and such claims are usually made as reasonably possible. Therefore, the study suggests that a clear statutory provision be established on the limitation period so that applications or claims relating to matrimonial property can be conducted in more systematic manner.*

### Article History

Received: August 8, 2025  
Revised: Mei 22, 2026  
Accepted: June 3, 2026  
Published: 15 June 2026

### ✉ Contact

Norhoneydayatie Abdul  
Manap (Corresponding  
Author)  
norhoney@ukm.edu.my

### Citation

Nur Hanis Shafinaz  
Mahat, Norhoneydayatie  
Abdul Manap &  
Rahmawati. 2026.  
Penetapan Had Masa  
Tuntutan Harta  
Sepencarian Selepas  
Kematian Pasangan:  
Kajian Kes Di Mahkamah  
Tinggi Syariah Johor  
Bahru. *Journal of  
Contemporary Islamic  
Law*. 11(1): 37-49.

### Copyright

© 2026 by the  
author(s)



This work is licensed  
under a Creative  
Commons Attribution-  
Non-Commercial 4.0  
International License.  
(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

**KEYWORDS**

*matrimonial property, limitation period, death of a spouse, Syariah High Court Johor Bahru, claims*

**PENGENALAN**

Undang-undang harta sepencarian menjadi lebih teratur dan mantap selepas kemerdekaan serta dijadikan sebagai amalan urf masyarakat setempat (Ahmad 2021). Kekeliruan timbul apabila ketiadaan tempoh had masa yang khusus ditetapkan dalam undang-undang berkaitan tuntutan harta sepencarian selepas kematian pasangan. Ia boleh menimbulkan pelbagai implikasi terhadap proses pembahagian harta pusaka dan hak waris. Di negeri Johor, harta sepencarian terletak di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 berdasarkan seksyen 122 yang memperuntukkan bahawa mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak, memerintahkan pembahagian harta sepencarian antara suami dan isteri atau antara waris-waris suami dan isteri yang telah meninggal dunia tanpa ada had masa tuntutan. Berikutan ketidakjelasan mengenai tempoh had masa ini, telah menimbulkan persoalan tentang keperluan menetapkan garis panduan yang lebih jelas. Tanpa tempoh had masa yang ditetapkan, tuntutan boleh dibuat pada bila-bila masa, yang berpotensi menimbulkan pertikaian di kalangan waris dan melambatkan proses pentadbiran harta pusaka (Md. Yazid Ahmad et al. 2010). Selain itu, ketiadaan had masa ini juga boleh menjejaskan kepastian hak pemilikan harta dalam kalangan waris yang telah menerima bahagian masing-masing (Hasbullah 2017). Keadaan ini akan menjadikan urusan tuntutan harta sepencarian akibat kematian lebih rumit, terutama dalam usaha mengembalikan jumlah dan nilai harta yang telah diagihkan.

Selain itu, akibat ketiadaan peruntukan khusus bagi harta sepencarian selepas kematian dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia, tuntutan sebegini pernah dihalang dari dituntut suatu ketika dulu. Ini dilihat dalam kes *Tuan Haji Mustapha Kamal bin Haji Abu Bakar v Abd Kadir b. Endut: Rokiah bte Baba (f) (Third Party)* [1993] 2 AMR 44: 3215, Hakim V.C George dalam

penghakimannya bahawa “*The doctrine of Harta Sepencarian only applies to a divorced spouse who claims against the other spouse during his or her lifetime. Therefore, it is inapplicable in this case.*” Kes ini telah dibicarakan di Mahkamah Syariah Negeri Selangor dan mahkamah memutuskan bahawa doktrin harta sepencarian hanya terpakai apabila pasangan yang bercerai menuntut haknya daripada pihak yang satu lagi pada masa hayat mereka sahaja. Oleh sebab yang demikian, harta sepencarian selepas kematian telah dihalang berpandukan Arahan Amalan 1 Tahun 2001. Selain itu, Mesyuarat Hakim dan Pendaftar ke 38 (2/2001) bertarikh 26 Mei 2001 telah memutuskan bahawa tuntutan harta sepencarian akibat cerai mati tidak boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah Selangor kerana tiada peruntukan khusus di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 4 tahun 1984. Namun demikian, Arahan Amalan ini telah dibatalkan melalui Pekeliling Ketua Hakim Syarie’ Bil: 1 Tahun 2003 (Miszari et al. 2010).

Mengikut amalan semasa, mana-mana pemohonan bagi kes tuntutan harta sepencarian diberikan kebebasan untuk mengemukakan tuntutan pada bila-bila masa, selagi tuntutan itu difailkan dalam tempoh yang dianggap “munasabah” oleh mahkamah. Ini bertepatan dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2008 oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang menyatakan bahawa tiada had masa khusus ditetapkan untuk memfailkan permohonan atau tuntutan, namun ia hendaklah dikemukakan *dengan cara sesegera mungkin* dan mahkamah boleh merujuk kepada kes *Kerajaan Negeri Terengganu v Y.A.M Tengku Ibrahim bin Sultan Ismail Nasaruddin Shah* [2007] sebagai panduan.

Walaubagaimanapun peruntukan ini hanya memberi ruang fleksibiliti kepada pemohon, namun dalam konteks realiti pentadbiran harta pusaka, ketiadaan had masa khusus ini boleh mencetuskan pertikaian yang berpanjangan dan menjejaskan kepastian pemilikan harta dalam kalangan waris, khususnya apabila harta telah

diagihkan secara faraid bertahun-tahun sebelum tuntutan dikemukakan. Menurut (Hasbullah 2017) turut menekankan bahawa ketidaktentuan had masa akan menjejaskan proses keadilan dan mewujudkan ketegangan dalam keluarga.

Merujuk kepada kes *Tuan Awang Tuan Mamat & 7 Yang Lain v Tuan Alam bin Tuan Ahmad @ 1 Yang Lain* [2006] 22 JH, mahkamah memutuskan bahawa tuntutan itu ditolak apabila berlaku kematian lebih 50 tahun dan kesemua harta si mati adalah harta pusaka dan bukan harta sepencarian dan dibahagi mengikut hukum faraid. Begitu juga dalam kes *Kerajaan Negeri Terengganu v Y.A.M Tengku Ibrahim bin Sultan Ismail Nasaruddin Shah* [2007] 24 JH (2), mahkamah memutuskan bahawa pihak plaintif telah melampaui masa yang munasabah kerana telah berlalu masa yang lama hampir lima tahun dari tarikh kematian arwah si mati dan ia telah ditolak dalam tuntutan.

Ketiadaan peruntukan khusus ini memberi ruang tafsiran luas kepada hakim dan seterusnya menimbulkan ketidakselarasan dalam keputusan antara negeri-negeri (Miszari 2010). Hakim-hakim akan mengambil tindakan memutuskan tuntutan tersebut berpandukan kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah yang membenarkan tuntutan harta sepencarian selepas kematian seperti yang diputuskan di mahkamah di negeri Kelantan dan Terengganu. Kebanyakan kes dirujuk iaitu kes *Zaitun v Haji Ahmad* [1995], *Wan Habibah v Waris Wan Abdullah* [1989], *Rahmah binti Mod Lazim v Rosnani Binti Husin & 6YL l* [2009] 29 JH (2) 161, *Bukhari Mohd Noor v Aisyah Ismail* [2006] 21 JH 26, *Hajah Saudah bt Che Mamat v Hanafi bin Haji Daud* [1997] 11 jh 21, *Hujah Lijah BT Jamal v Fatimah binti Mat Diah* [1950] 16 MLJ 63 (Mohd Zamro Muda et al. 2010).

Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat sejauh mana Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru menetapkan prinsip atau garis panduan berkaitan tempoh masa yang munasabah berdasarkan amalan kehakiman mereka. Kajian akan membincangkan berkaitan dengan tempoh masa yang ditetapkan menurut pandangan fiqh dan juga menganalisis amalan penetapan tempoh had masa yang dilaksanakan oleh hakim di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru untuk mengenalpasti tempoh had masa yang dibenarkan oleh mahkamah dalam membuat tuntutan harta sepencarian selepas kematian. Hal ini adalah untuk mengisi kekosongan dalam peruntukan undang-undang berkenaan tempoh had masa bagi tuntutan harta

sepencarian selepas kematian pasangan, khususnya di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru.

## SOROTAN LITERATUR

Menurut (Rabi'ah Muhammad Serji et al. 2021) tiada peruntukan khusus berkaitan tuntutan harta sepencarian selepas kematian dalam mana-mana Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia, namun sebaliknya terkandung dalam Arahan Amalan No. 5 Tahun 2003, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang berkuatkuasa mulai 1 November 2003 bahawa tuntutan harta sepencarian boleh dibuat semasa tuntutan perceraian, selepas perceraian atau selepas kematian mana-mana pihak. Terdapat permasalahan di mana harta sepencarian selepas kematian menjadi agak kompleks kerana telah melibatkan bidangkuasa mahkamah syariah dan mahkamah sivil.

Hal ini merumitkan apabila terdapat kesulitan pihak-pihak yang membuat tuntutan harta sepencarian menjadi lewat apabila urusan harta tanah yang dimiliki oleh pihak yang meninggal perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum dikemukakan tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Syariah atas bukti dan dokumen dalam tuntutan. Malah, menurut (Buang 2003) kelewatan dalam penyelesaian kes bukan sahaja dalam kes-kes perceraian seperti talak, taklik, fasakh dan khuluk tetapi juga melibatkan kes-kes tuntutan selepas perceraian seperti nafkah anak/isteri, nafkah iddah, harta sepencarian, mut'ah dan hadanah. Dapatan kajian menunjukkan tempoh tertentu iaitu satu tahun bagi permohonan perceraian dan dua tahun bagi sebarang tuntutan selepas perceraian sekiranya permohonan cerai, fasakh, taklik diselesaikan lebih dari tempoh satu tahun, maka kes sebegini dikategorikan sebagai lewat dalam menyelesaikan kes. Begitu juga sekiranya tuntutan selepas perceraian diselesaikan lebih dari dua tahun maka tempoh ini adalah dikira lewat.

Satu kajian lain yang dijalankan juga oleh (Ismail 1999) telah membandingkan antara jangkamasa yang diambil oleh Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dalam menyelesaikan kes-kes perceraian mendapati bahawa tempoh penyelesaian kes perceraian di Mahkamah Syariah adalah lebih pendek iaitu kurang daripada enam bulan berbanding dengan Mahkamah Sivil iaitu sembilan bulan. Walaupun tempoh penyelesaian kes perceraian di Mahkamah Syariah lebih pendek berbanding dengan Mahkamah Sivil namun dari segi kekerapan penangguhan, Mahkamah Syariah lebih kerap membuat penangguhan berbanding

Mahkamah Sivil. Dalam hasil kajian mendapati bahawa punca berlakunya penangguhan di Mahkamah Syariah adalah kerana ketidakhadiran salah satu pihak sama ada di peringkat sebutan mahupun di peringkat perbicaraan.

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu melalui kajian kes untuk mengetahui permasalahan dan realiti yang berlaku bagi mendapatkan maklumat mendalam berkaitan tuntutan harta sepencarian selepas kematian pasangan yang dituntut di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru. Pendekatan analisis dokumen dilaksanakan dalam kajian ini iaitu dengan menganalisis Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-negeri dan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri negeri di Malaysia terutama di negeri Johor, serta fatwa-fatwa yang diwartakan serta kes-kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian. Selain itu, fail-fail kes yang direkodkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru dari tahun 2022-2024 berkaitan tuntutan harta sepencarian selepas kematian turut dianalisa untuk melihat pendekatan mahkamah dalam membuat keputusan penetapan tempoh had masa tuntutan.

Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan pensampelan mudah iaitu sampel yang dipilih berdasarkan kemudahan akses dan ketersediaan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru. Sebanyak 30 kes dicatatkan dalam tempoh 3 tahun bermula pada akhir tahun 2022 hingga 2024 yang dilaporkan, namun pengkaji diberikan akses kepada 13 daripada kes tersebut untuk dikaji sebagai responden kajian. Kes-kes yang dikaji disenaraikan melalui Jadual di bawah: -

Jadual 1: Kes-kes kajian

Tahun 2022

Bil	Kes	No. Rujukan
1.	<i>Mohd Fauzan Khausan lwn Omiah Binti Mustafa dan 5 Defendan Lain</i>	2212-H0101-213-0033

Tahun 2023

Bil	Kes	No. Rujukan
1.	<i>Safrina binti Muhammad lwn Nyonya binti Osman dan 6 Defendan Lain</i>	2302-H0301-213-0064
2.	<i>Sufiah binti Jahar lwn Noor Aini dan 3 Defendan Lain</i>	2303-H0301-213-0102
3.	<i>Sahariffah Ruhana bt Syed Ar-Rahman lwn Abdul Malik bin Muda dan 5 Defendan Lain</i>	2304-H0301-213-0149
4.	<i>Fatimah binti Hassan lwn Zulkiflee bin Yaacob</i>	2305-H0201-213-0205
5.	<i>Norhafizah Rinaz binti Salim lwn Roslinda binti Che Man</i>	2306-H0201-213-0227
6.	<i>Surinilawati binti Abdul Wahid lwn Mohd Sifillah bin Nordin dan 1 Defendan Lain</i>	2307-H0301-213-0241
7.	<i>Nafisah binti Azman lwn Samsudin bin Ali dan 1 Defendan Lain</i>	2308-H0101-213-0293
8.	<i>Heryati binti Md Daud lwn Sulaiman @ Salim bin Siraj dan 6 Defendan Lain</i>	2309-H0201-213-0372
9.	<i>Ruzeyana binti Zainal Abidin lwn Md Zan bin Midon dan 6 Defendan Lain</i>	2305-H0201-213-0174
10.	<i>Susilawaty binti Marzuki lwn Nafsiyah @ Nafsirah binti Suradi dan 6 Defendan Lain</i>	2305-H0301-213-0199

Tahun 2024

Bil	Kes	No. Rujukan
1.	<i>Norhayani binti Abdullah lwn Pookujah binti Paiman dan 16 Defendan Lain</i>	2311-H0101-213-0557
2.	<i>Abd Rahmat bin Abd Rahman lwn Baitumal</i>	2406-H0301-213-0414

Selain itu, temu bual separa berstruktur turut dilaksanakan untuk mendapatkan pandangan mengenai penetapan tempoh had masa tuntutan harta sepencarian. Pemilihan sampel temubual ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Subjek yang dipilih untuk menjalankan temu bual ini terdiri daripada seorang hakim, seorang pendaftar kanan mahkamah dan seorang pegawai sulh di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru. Informan-informan yang dipilih ini adalah individu atau pihak yang berautoriti dan berkuasa dalam mengetahui dan memutuskan berkenaan kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru. Jadual di bawah menunjukkan profil hakim-hakim dan informan-informan yang ditemu bual.

Jadual 2:Informan Kajian

Informai	Jawatan
1	Hakim Kanan Mahkamah
2	Pen.Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, Johor Bahru
3	Pegawai Sulh, Pegawai Syariah

## HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

### Tempoh Had Masa Tuntutan Harta Sepencarian Selepas Kematian Pasangan Berdasarkan Peruntukan Undang-Undang Negeri Johor

Seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 memerintahkan pembahagian harta sepencarian seperti berikut:

(1) *Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talak atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka*

*dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak.*

(2) *Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Subseksyen (1), mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang:*

- a. *Takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu;*
- b. *Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;*
- c. *Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak*

(3) *Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talak atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.*

(4) *Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Subseksyen (3), mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada:*

- a. *Takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperoleh aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga*
- b. *Keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi walau bagaimana pun, pihak yang telah memperoleh aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.*

(5) *Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.*

Menurut seksyen yang dijelaskan tersebut, tiada terma berhubung “tempoh” dan “kematian salah satu pasangan” secara langsung yang dinyatakan. Bagi undang-undang harta sepencarian selepas kematian tidak diperuntukkan dan tidak termaktub secara jelas di dalam mana-mana Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Sebaliknya, ianya adalah terkandung di dalam Amalan Arahan No.5 Tahun 2003 JKSM:

“Melalui keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 4 Tahun 2003 pada 22-24hb Ogos 2003 bersamaan 24-26 Jamadilakhir 1424H di Shah

*Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan masa membuat tuntutan harta sepencarian dibolehkan samada semasa tuntutan perceraian atau selepas perceraian ataupun selepas kematian mana-mana pihak. Mahkamah dalam hal ini boleh menerima mana-mana tuntutan harta sepencarian yang dibuat selepas kematian manamana pihak dalam tuntutan tersebut dan rujukan hendaklah dibuat kepada mana-mana kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah yang lebih tinggi.”*

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2003.

Selain itu, Arahan Amalan No. 2 Tahun 2008 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) memperuntukkan seperti berikut:

*“Permohonan atau tuntutan tidak menyatakan had masa untuk mengambil tindakan dan hendaklah ianya dilakukan dengan cara sesegera yang mungkin. Setiap mahkamah di negeri-negeri bolehlah merujuk kepada kes Kerajaan Negeri Terengganu lwn. Tengku Ibrahim dalam Jurnal Hukum Jld.24 Bhg.2 sebagai panduan sebelum membuat apa-apa keputusan sama ada menerima atau menolak tuntutan tersebut.”*

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 26 Julai 2010.

Merujuk kepada kes yang dinyatakan dalam arahan amalan ini, kes ini telah dibicarakan di Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu berkenaan isu apabila sesuatu tuntutan dipohon melebihi had masa. Semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah, isu yang di timbulkan untuk di pertimbangkan sama ada sah atau tidak ke atas sesuatu tuntutan yang melangkau masa 80 tahun. Melalui kronologi kes, hujah-hujah, ekshibit dari kedua-dua pihak didapati sehingga kes ini di failkan, sejarahnya telah melewati lebih 80 tahun. Hakim mahkamah telah memutuskan bahawa setelah mereka meneliti segala hujah, kami dapati benarlah tempoh had masa bagi sesuatu tuntutan tidak diperuntukkan. Oleh itu kami berpendapat hanya melalui Hukum Syarak sahajalah satu-satunya yang masih ada untuk menyelesaikan dalam rayuan ini. Bersesuaian dengan sek. 245(2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Seksyen ini memperuntukkan:

*‘Jika terdapat lacuna atau apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak.’*

Amalan Penetapan Tempoh Had Masa  
Permohonan Tuntutan Harta Sepencarian Selepas  
Kematian Pasangan di Mahkamah Tinggi Syariah  
Johor Bahru

Beberapa kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian yang telah didaftarkan dan dilaporkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru dan dinamakan sebagai ‘tuntutan harta sepencarian disebabkan ‘cerai mati’’. Pasangan yang ditinggalkan melalui kematian berhak menuntut bahagian harta sepencarian sebagai usaha mendapatkan harta mereka secara adil dalam pembahagian aset dan tuntutan harta sepencarian akibat ‘cerai mati’ adalah hak yang diiktiraf dalam undang-undang Islam di Malaysia.

Hal ini dibuktikan berdasarkan kes-kes yang dianalisis dalam tempoh 3 tahun terkini 2022-2024. Tuntutan harta sepencarian berdasarkan tiga keadaan iaitu perceraian hidup, poligami dan kematian telah dibenarkan dan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru. Sebanyak 30 kes berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh mahkamah iaitu bermula dari tahun 2022 hingga 2024. Hasil temubual Informan 2, menyatakan bahawa sebelum berakhir tahun 2022, kes-kes tuntutan harta sepencarian dalam tiga keadaan tuntutan itu telah digabungkan menjadi satu kod kes yang sama. Maka, bermula akhir tahun 2022 kod kes telah dipecahkan dan diasingkan. Oleh yang demikian, kes-kes telah diteliti dan dianalisis pada tempoh 3 tahun terakhir disebabkan fail-fail kes pada tahun sebelum itu sukar untuk didapati.

Jadual 3: Maklumat kes kajian

BIL.	NAMA & RINGKASAN FAKTA KES	TARIKH KEMATIAN PASANGAN	TARIKH TUNTUTAN	KEPUTUSAN MAHKAMAH
1	<p>Mohd Fauzan Khausan <i>lwn</i> Omiah Binti Mustafa dan 5 Defendan Lain</p> <p>Plaintif merupakan suami kepada si mati iaitu arwah isterinya (Mariatulkiptiah binti Md Zinuardin). Plaintif dan si mati telah berkahwin pada 31/5/13 dan dikurniakan seorang anak perempuan yang berusia 5 tahun. Plaintif telah bekerja sendiri dan mempunyai pendapatan RM2,500,00 sebulan. Manakala si mati telah bekerja di Permodalan Nasional Berhad dan menerima gaji RM3,500.00 sebulan. Si mati telah membeli rumah pangsa yang didaftarkan dengan nama si mati dan plaintif telah menuntut hartanah di Petaling Jaya sebagai harta sepencarian.</p>	18/7/2021	17/7/2023	Mahkamah perintahkan bahawa hartanah di Petaling Jaya adalah merupakan harta sepencarian. 50% telah diberikan kepada plaintif dan 50% lagi diserahkan kepada ahli waris si mati termasuk plaintif. Dan jika hartanah tersebut dijual, 50% hasil jualan tersebut adalah untuk plaintif dan ahli waris si mati setelah ditolak hutang atau kos-kos yang terlibat.
2	<p>Safrina binti Muhammad <i>lwn</i> Nyonya binti Osman dan 6 Defendan Lain</p> <p>Plaintif merupakan isteri kepada arwah suaminya (Mustapa Kamal bin Haron). Defendan pula terdiri daripada ibu kandung si mati dan ahli waris yang lain. Plaintif dan si mati telah berkahwin pada 5/1/1993 dan dikurniakan 6 orang cahaya mata. Tuntutan telah dibuat oleh plaintif dengan menuntut Rumah Kediaman Mawar, Rumah Larkin, Rumah Majidea, Pangsapuri Johor Jaya, Tanah Pengerang, Rumah Kedai, Lot Kedai dan Rumah Indah Baru Uda.</p>	9/10/2020	1/2/2023	Kesemua harta tidak alih diiktiraf sebagai harta sepencarian bagi plaintif dan si mati. 50% dari kesemua harta diserahkan kepada plaintif dan 50% diberikan pada ahli waris. 1/9 bahagian adalah bukan daripada harta sepencarian oleh plaintif dan si mati.
3	<p>Sufiah binti Jahar <i>lwn</i> Noor Aini dan 3 Defendan Lain</p> <p>Plaintif adalah isteri kepada si mati dan defendan terdiri daripada ibu kandung serta anak-anak si mati. Plaintif dan si mati telah berkahwin pada 14/9/2002 dan dikurniakan 3 orang anak sepanjang dalam tempoh perkahwinan. Plaintif telah memohon tuntutan terhadap rumah kediaman 2 tingkat yang dimiliki plaintif dan arwah suami.</p>	24/11/2019	6/3/2023	Mahkamah perintahkan 1/2 bahagian daripada nilai harta tidak alih (rumah kediaman 2 tingkat) diberikan dan diserahkan kepada plaintif. Plaintif telah diberikan kebenaran dan kebebasan untuk meletak hak di bawah S. 420 Kanun Tanah Negara dengan cara mendaftar nama plaintif dan menyatakan dokumen-dokumen hak milik asal yang dijelaskan sebagai harta sepencarian.

- |   |  |           |           |   |
|---|--|-----------|-----------|---|
| 4 | <p>Sahariffah Ruhana bt Syed Ar-Rahman <i>lwn</i> Abdul Malik bin Muda dan 5 Defendan Lain</p> <p>Plaintif adalah isteri kepada si mati (Mohd Yasin Bin Muda) dan mereka telah berkahwin pada 28/11/1998. Mereka tidak dikurniakan anak sepanjang dalam tempoh perkahwinan. Plaintif telah menuntut harta sepencarian terhadap wang ASNB sebanyak RM155771.09.</p>   | 10/8/2022 | 7/5/2023  | <p>Wang ASNB telah dibahagikan sebanyak 1/3 kepada plaintif manakala 2/3 diserahkan kepada ahli waris yang lain.</p>  |
| 5 | <p>Ruzeyana binti Zainal Abidin <i>lwn</i> Md Zan bin Midon dan 6 Defendan Lain</p> <p>Plaintif merupakan isteri kepada si mati dan defendan adalah terdiri daripada ahli waris si mati iaitu bapa mentua kepada plaintif. Plaintif telah menuntut harta tak alih iaitu 2 geran tanah, hak milik strata serta beberapa jenis kenderaan seperti BMW, Honda Civic dan 7 jenis yang lain.</p>   | 7/1/2023  | 8/5/2023  | <p>Mahkamah memberikan 1/2 harta tak alih iaitu 2 geran tanah, hak milik strata dan harta alih iaitu beberapa kenderaan kepada plaintif dan 1/2 lagi adalah difaraidkan kepada ahli waris.</p>  |
| 6 | <p>Fatimah binti Hassan <i>lwn</i> Zulkiflee bin Yaacob</p> <p>Plaintif merupakan bekas isteri kepada si mati (Yaacob bin Harun). Si mati telah meninggalkan 2 isteri yang sah sebelum meninggal dunia. Plaintif telah memohon harta sepencarian terhadap 2 tanah Felda kerana plaintif mempunyai hak nama terhadap geran asal pada tanah tersebut dan mempunyai masalah apabila melibatkan prosiding di Pejabat Pusaka Kecil kerana telah bercerai hidup sebelum si mati meninggal dunia.</p> | 4/2/2022  | 30/5/2023 | <p>Mahkamah berpuas hati dan memberikan hak sebanyak 1/2 ke atas harta sepencarian kepada plaintif dan Pejabat Pusaka Kecil Daerah/ Pentadbir Tanah Daerah berkenaan diperintahkan meletakkan hak keseluruhan bahagian tanah yang dirujuk.</p>  |
| 7 | <p>Norhafizah Rinaz binti Salim <i>lwn</i> Roslinda binti Che Man</p> <p>Plaintif merupakan isteri kepada si mati (Roslin bin Che Man) manakala defendan merupakan bekas kakak ipar kepada plaintif di mana telah dilantik sebagai pentadbir harta peninggalan si mati. Dalam tempoh perkahwinan, plaintif dan si mati tidak dikurniakan cahaya mata dan plaintif telah membeli sebuah rumah berharga RM189, 876.00.</p>   | 9/12/2020 | 2/7/2023  | <p>Kesemua bahagian harta tak alih iaitu rumah teres adalah 1/2 diserahkan kepada plaintif dan 1/2 adalah milik si mati. 1/2 bahagian si mati hendaklah dipindahmilik kepada plaintif setelah plaintif membayar RM120K pada defendan sebagai penyelesaian penuh ke atas tuntutan harta sepencarian pada tanah tersebut.</p> |
| 8 | <p>Heryati binti Md Daud <i>lwn</i> Sulaiman @ Salim bin Siraj dan 6 Defendan Lain</p>   | 6/5/ 2022 | 13/9/2023 | <p>Mahkamah memutuskan rumah adalah harta sepencarian antara plaintif dan si mati dan 3/4 adalah milik plaintif manakala 1/4 milik si mati. Semua kenderaan yang berjenama dimiliki sebanyak 1/2</p>  |

- |  |                     |  |
|--|---------------------|--|
|  |                     | oleh plaintif dan 1/2 bahagian adalah milik si mati yang diserahkan kepada ahli waris.   |
| 9 Susilawaty binti Marzuki <i>lwn</i> Nafsiyah @ Nafsirah binti Suradi dan 6 Defendan Lain   |                     | Mahkamah perintahkan kesemua harta tidak alih dibahagikan 70:30 antara plaintif dan defendan.  |
| Plaintif merupakan isteri kepada si mati (Nafizanzuri bin Juhari) dan mereka telah berkahwin pada 26/11/16. Mereka telah dikurniakan 3 orang anak. Plaintif telah menuntut harta tak alih iaitu Syarikat Eugina Sdn. Bhd dan rumah hektar 3 tingkat serta rumah kedai. Manakala harta alih dituntut oleh plaintif terhadap kereta berjenama Honda, Mazda, wang simpanan RM20K selepas dibayar hutang si mati semasa hidup dan perbelanjaan plaintif sejak si mati meninggal dunia. | 14/7/2021 17/5/2023 |  |
| 10 Surinilawati binti Abdul Wahid <i>lwn</i> Mohd Sifillah bin Nordin dan 1 Defendan Lain  |                     | Harta tak alih iaitu rumah adalah 50% milik plaintif dan 50% diserahkan kepada ahli waris begitu juga harta alih iaitu kereta adalah 50% adalah miliknya.  |
| Plaintif adalah seorang isteri kepada si mati (Azuan bin Mohd Saifullah) dan defendan adalah ahli waris iaitu bapa dan ibu mentua plaintif. Plaintif telah menuntut harta sepencarian pada rumah yang didiami sepanjang perkahwinan dan sebuah kenderaan. Dalam perkahwinan mereka tidak mempunyai anak.   | 5/8/2021 20/8/2023  |  |
| 11 Nafisah binti Azman <i>lwn</i> Samsudin bin Ali dan 1 Defendan Lain   |                     | Mahkamah meluluskan harta sepencarian berdasarkan S. 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 (EUJS) dan mengisytiharkan bahawa plaintif berhak mendapat 80% terhadap harta hartanah dan 20% lagi bahagian adalah milik si mati. Kereta berjenama Toyota Corolla WAB 1451, adalah diberikan hak 100% kepada plaintif. Defendan 1 dan 2 telah diberi kerjasama penuh bagi apa-apa urusan terhadap pengurusan harta si mati. |
| Plaintif merupakan seorang isteri kepada arwah suaminya (Mohd Hedayat bin Samsudin). Defendan pula terdiri daripada bapa dan ibu mentua kepada plaintif. Sepanjang dalam tempoh perkahwinan plaintif dan si mati tidak dikurniakan anak. Plaintif telah menuntut bahagian harta sepencarian iaitu 80% terhadap rumah dan 100% terhadap kenderaan kereta berjenama Toyota Corolla.  | 10/2/2022 2/8/2023  |  |
| 12 Norhayani binti Abdullah <i>lwn</i> Pookujah binti Paiman dan 16 Defendan Lain  |                     | Mahkamah memutuskan bahawa Tanah Pertanian Mukim Ayer Baloi Lot 72 adalah 1/3 milik plaintif dan 2/3 adalah harta pusaka bagi si mati. Tanah Lot PTD 9141 adalah 1/1 diletakkan pada plaintif begitu juga rumah kediaman dan kereta 1/1 bahagian diberikan pada plaintif. Mahkamah juga menyatakan bahawa pentadbir tanah Negeri Johor diperintahkan mendaftar perletakan  |
| Plaintif adalah seorang isteri kepada si mati (arwah suami) dan telah berkahwin pada 25 /11/1987 dan tidak bercerai sepanjang si mati hidup. Mereka telah dikurniakan 6 orang anak empat   | 8/10/2022 17/1/2024 |  |

perempuan dan dua lelaki. Plaintiff telah menuntut harta tuntutan sepencarian di mahkamah terhadap rumah kediaman, 2 tanah pertanian serta sebuah kereta jenama Honda City 1.5 V.

13 Abd Rahmat bin Abd Rahman *lwn* Baitumal

Plaintif telah berkahwin dengan isterinya iaitu Nur Mazlyyn binti Abdullah pada 29/9/2001 di Majid Jamek Pasir Pelangi Johor. Mereka tidak dikurniakan anak dan si isteri telah meninggal dunia dan juga merupakan seorang mualaf yang telah memeluk Islam pada 14/4/2002. Sebelum ini arwah isteri kepada plaintiff telah bekerja namun berhenti akibat menjaga plaintiff yang menghidap penyakit saraf tunjang. Plaintiff telah menuntut sebuah hartanah, dua kereta jenama Audi Quantero dan Naza Citra, wang ASB, wang simpanan Public Bank dan Heong Long Bank.

10/9/2021      26/6/2024

hak sebagaimana peruntukan S.420 / S.421 Kanun Tanah Negara 1965 dan mengeluarkan perintah pembahagian harta pusaka si mati sewajarnya. D2 tidak boleh menuntut atas harta yang telah diisytiharkan sebagai harta sepencarian plaintiff sebagai harta pusak si mati.

Harta Sepencarian si mati adalah tertakluk di bawah S. 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003. Nilai 90% adalah milik plaintiff dan 10% adalah milik si mati yang diserahkan kepada pihak Baitumal kerana tidak mempunyai ahli waris yang lain.

## PERBINCANGAN

Walaupun tiada peruntukan undang-undang berkaitan had masa, perkara ini boleh dirujuk berdasarkan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 [Enakmen No. 20 Tahun 2003] yang telah memperuntukkan bahawa sesuatu tuntutan itu perlu difailkan dalam tempoh yang munasabah. Mahkamah Syariah akan merujuk kepada suatu tempoh tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang dalam memfailkan tuntutan atau permohonan. Mahkamah Syariah juga adalah boleh merujuk kepada Akta Had Masa 1953 (Limitation Act 1953) yang terpakai di Mahkamah Sivil contohnya berikutan tuntutan hutang atau kontrak. Di dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah terdapat garis panduan kepada tatacara mal yang merangkumi peruntukan mengenai pemindahan, prosiding antara mahkamah termasuk dari aspek had masa untuk tindakan tertentu. Dalam kes-kes mal di Mahkamah Syariah kebiasaannya had masa adalah terpakai bagi perkara yang berkaitan tuntutan harta pusaka, tuntutan nafkah mahupun muta'ah dan harta sepencarian (Abdullah 2009).

Justeru, had masa bagi tindakan di Mahkamah Syariah adalah berbeza mengikut jenis tuntutan dan negeri. Kuasa Mahkamah juga diperuntukkan dalam Enakmen Tatacara Mal Negeri bahawa Mahkamah Syariah boleh menggunakan budi bicara untuk membenarkan sesuatu tuntutan dikemukakan walaupun tempoh had masa telah berlalu. Kes-kes ini adalah kes-kes tertentu yang menjadi satu keperluan bagi mahkamah untuk menentukan sesuatu keputusan.

Berdasarkan kes-kes yang dikaji di atas pula, pengkaji telah meneliti tempoh masa yang diambil oleh pihak penuntut untuk membuat tuntutan, sama ada dilakukan dalam jangka masa yang lama atau tidak selepas kematian salah satu pasangan. Tempoh had masa adalah dikira bermula dari "tarikh kematian pasangan" hingga "tarikh tuntutan dibuat" oleh pihak suami atau pihak isteri.

i. Tempoh masa tidak lebih daripada 3 tahun

Dalam kes yang direkodkan pada tahun 2022 dan 2023, iaitu kes *Mohd Fauzan Khausan lwn Omiah Binti Mustafa dan 5 Defendan Lain*, tempoh masa tuntutan antara tarikh kematian pasangan dan tarikh tuntutan adalah dalam

tempoh 2 tahun, manakala kes *Surinilawati binti Abdul Wahid lwn Mohd Sifillah bin Nordin dan 1 Defendan Lain, Norhafizah Rinaz binti Salim lwn Roslinda binti Che Man dan Sufiah binti Jahar lwn Noor Aini dan 3 Defendan Lain* mempunyai tempoh masa di antara 2 hingga ke 3 tahun. Kes-kes ini telah dianggap tidak melampaui tempoh had masa yang munasabah dan jelas dengan pandangan mahkamah bahawa dalam kes tersebut, tiada tempoh yang tetap diperuntukkan dalam sesuatu tuntutan dan ia mestilah tidak melewati batas tempoh had yang munasabah. Walaubagaimanapun, menurut Informan 2, tiada keperluan untuk menetapkan tempoh had masa yang ketat dalam membuat tuntutan, namun kesan daripada kelonggaran tersebut memberi impak kepada pihak-pihak yang berhak mewarisi harta tersebut. Permohonan harta selepas tempoh yang lama boleh mencetuskan ketidakpastian atau konflik, terutama apabila pihak-pihak yang telah memperoleh harta itu secara sah atau menggunakannya dalam kepercayaan mereka bahawa tiada lagi tuntutan yang akan dibuat.

Hal ini juga disokong oleh Informan 1, bahawa:

*"Kes-kes yang dilaporkan setakat ini dilakukan dengan sesegera yang mungkin oleh pihak-pihak dan memudahkan pihak mahkamah untuk menyelesaikannya. Tempoh tersebut mestilah tidak melampaui batas had masa. Pihak-pihak yang membuat tuntutan tidak melebihi tempoh 3 tahun ini adalah kerana kesediaan mereka untuk memfailkan kes-kes tersebut. Pihak yang menuntut juga sudah bersedia menghadapi waris-waris yang lain dalam memfailkan kes. Mereka telah mendapat kesepakatan dan kerjasama bersama ahli waris yang lain dalam menyelesaikan kes tersebut dan juga telah diselesaikan melalui kaedah tuntutan di mahkamah sama ada secara persetujuan bersama atau menggunakan proses sulh."*

Perkara ini telah diperakui oleh Informan 3 menyatakan bahawa:

*"Pihak-pihak akan hadir memberi kerjasama setelah diberi notis oleh pihak Mahkamah. Majlis Sulh akan dapat dilaksanakan jika kesemua pihak adalah hadir dan jika ada satu-satu pihak tidak hadir, kes akan di bawa ke hadapan hakim untuk prosiding seterusnya iaitu ke peringkat perbicaraan. Justeru, sekiranya di dalam Majlis Sulh wujudnya persetujuan di antara pihak-pihak, kes akan terus diendorskan di hadapan Hakim. Kes seperti ini adalah seringkali mendapat penyelesaian secara perundingan bersama sekiranya pihak-pihak memberi kerjasama dengan baik. Oleh demikian, dengan keterlibatan peranan sulh kes tersebut juga tidak akan perlu melalui proses prosiding mahkamah yang panjang dan rumit."*

ii. Tempoh masa kurang daripada setahun

Terdapat di dalam kes-kes yang direkodkan pada tahun 2023, pihak yang menuntut harta sepencarian adalah terdiri daripada pihak isteri yang kematian suami. Tuntutan telah dibuat dalam tempoh yang sangat singkat selepas kematian pasangan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa pihak-pihak yang berhak, khususnya isteri, seringkali tidak melengahkan masa untuk membuat tuntutan harta sepencarian. Contohnya, terdapat di dalam kes *Sahariffah Ruhana bt Syed Ar-Rahman lwn Abdul Malik bin Muda dan 5 Defendan Lain*, permohonan tuntutan harta sepencarian telah dibuat hanya dalam tempoh 8 bulan 27 hari selepas kematian suami. Jelas menggambarkan bahawa tindakan segera yang diambil oleh pihak isteri untuk menuntut hak mereka adalah bertujuan untuk memastikan hak mereka diiktiraf dengan segera dan tidak terlepas kerana faktor masa.

Selain itu, dalam kes *Ruzeyana binti Zainal Abidin lwn Md Zan bin Midon dan 6 Defendan Lain*, tuntutan juga dibuat dengan waktu yang pantas, iaitu hanya dalam 4 bulan 1 hari selepas kematian suami. Menurut Informan 1:

*“Tuntutan yang begitu cepat menunjukkan kesungguhan dan keprihatinan pihak isteri dalam menuntut hak mereka terhadap harta sepencarian, terutamanya bagi memastikan bahawa pembahagian harta itu tidak ditangguhkan atau dipersulitkan oleh pihak-pihak lain yang mungkin juga berkepentingan.”*

Tindakan cepat ini juga boleh dilihat sebagai satu usaha untuk mengelakkan konflik dan ketidakpastian dalam pewarisan harta, di mana pihak isteri berhak untuk memastikan bahawa harta sepencarian yang diperolehi semasa perkahwinan dapat dikongsi dengan adil. Merujuk kepada beberapa perbincangan kes di atas, sekiranya tuntutan tidak dibuat dalam tempoh yang cepat, pihak-pihak lain yang berkepentingan dalam harta tersebut berkemungkinan akan mengambil kesempatan untuk menguasai atau membahagikan harta tersebut tanpa mengambil kira hak isteri. Menurut Informan 2 juga berpandangan bahawa:

*“Adalah amat bagus jika peruntukan masa bagi tuntutan harta sepencarian selepas kematian diletakkan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam kerana ia memudahkan pihak-pihak dan ahli waris tidaklah tertunggu-tunggu dalam bab pembahagian harta.”*

Oleh itu, walaupun tempoh masa tuntutan adalah singkat kurang dari setahun, mahkamah tetap

perlu untuk mempertimbangkan keadilan dan kebenaran tuntutan tersebut berdasarkan bukti yang kukuh dan masa yang diperuntukan. Adalah penting untuk mahkamah memastikan bahawa tuntutan tersebut adalah sah dan mengikut peraturan yang ditetapkan, serta ia tidak menjejaskan hak pihak-pihak lain yang berhak dan layak dalam pembahagian harta tersebut. Tuntutan sewajarnya dibuat dalam masa yang lebih singkat supaya dapat mempercepatkan penyelesaian kes, namun tindakan itu perlu disertai dengan proses yang lebih teliti oleh mahkamah bagi memastikan keadilan semua pihak tercapai.

### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, ketidaktentuan tempoh had masa bagi tuntutan harta sepencarian selepas kematian pasangan sehingga kini masih belum diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang Syariah di Malaysia. Walaupun hukum syarak tidak menetapkan had masa yang spesifik, ia juga tidak mengiktiraf sesuatu tuntutan itu dilakukan selepas satu tempoh yang terlalu lama sebagai asas pemilikan yang sah. Hal ini dapat menimbulkan kekeliruan dan pertikaian, terutamanya apabila harta telah diagihkan kepada waris secara faraid sebelum tuntutan dikemukakan.

Justeru, amalan semasa yang telah diguna pakai oleh Mahkamah Tinggi Syariah Johor bagi kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian salah satu pihak menunjukkan bahawa pemohon/penuntut diberikan kebebasan untuk mengemukakan tuntutan selagi berada dalam tempoh yang dianggap "munasabah" oleh mahkamah. Ini jelas sepertimana yang terkandung dalam Arahan Amalan No. 2 Tahun 2008 untuk menyokong fleksibiliti ini, namun pada masa yang sama hal ini boleh membuka ruang kepada ketidakpastian dan pertikaian jangka panjang dalam kalangan waris. Terdapat dalam beberapa kes seperti *kes Tuan Awang Tuan Mamat & 7 Yang Lain v Tuan Alam bin Tuan Ahmad @ 1 Yang Lain* [2006] 22 JH dan lain-lain, telah menyebabkan kelewatan yang keterlaluan dalam menjejaskan nilai harta, menyulitkan pengesanan bukti, dan menimbulkan ketegangan dalam hubungan kekeluargaan. Oleh itu, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada tempoh khusus dibenarkan untuk membuat harta sepencarian

selepas kematian. Pihak yang membuat tuntutan boleh menuntut harta tersebut pada bila-bila masa dan tempoh kebiasaan tuntutan dibuat adalah dengan waktu yang sesegera mungkin.

Antara cadangan yang boleh dikemukakan agar penetapan undang-undang mengenai tempoh had masa agar permohonan atau tuntutan mengenai harta sepencarian dapat dilaksanakan dengan lebih bersistematik adalah mewujudkan peruntukan undang-undang yang jelas berkaitan tempoh had masa bagi bertujuan memastikan kes dikemukakan dalam tempoh yang munasabah serta menjaga keadilan kepada kedua-dua pihak. Selain itu, mengharmonikan kegunaan tempoh had masa dalam tuntutan harta sepencarian selepas kematian dengan Akta had Masa 1953 (Limitation Act 1953) dapat memberikan kejelasan mengenai tempoh masa yang ada untuk membuat tuntutan, justeru mengurangkan ketidakjelasan yang sering timbul apabila berlaku kelewatan dalam membuat tuntutan. Dalam pengharmonian ini juga adalah baik untuk mengelakkan ketidakseragaman dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Kewujudan undang-undang atau peraturan atau garis panduan yang jelas kepada mahkamah memainkan peranan besar dalam menjalankan keadilan dalam pembahagian harta sepencarian.

#### RUJUKAN

- Abdul Rahman, N. I., & Mohd Zin, N. (2020). Tuntutan harta sepencarian selepas kematian pasangan menurut perspektif undang-undang keluarga Islam dan amalan Mahkamah Syariah di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(2), 243-268.
- Abdullah, Raihanah. (2009). Penangguhan Kes Di Mahkamah Syariah: Cabaran dan Penyelesaian. *Jurnal Syariah*. 7(1),1-30.
- Ahmad Hidayat Buang. (2003, 21 Oktober). *Faktor-faktor penangguhan kes-kes mal di mahkamah syariah di Malaysia berasaskan kepada fail-fail kes mahkamah* [Pembentangan kertas kerja]. Seminar Penyelidikan Projek Keberkesanan Mahkamah Syariah, Kuala Lumpur.
- Ahmad, A. (2021). Harta sepencarian/aset perkahwinan bagi pembubaran perkahwinan di bawah Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 serta Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 25(2),45-60.
- Hasbullah, Badriah. (2017). Locus Standi Waris Dalam Tuntutan Harta Sepencarian Selepas Kematian di Mahkamah Syariah Di Malaysia. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, Nik Roslini bt Raja. (1999). Kajian Perbandingan Mengenai Jangkamasa yang diambil untuk Menyelesaikan Kes-kes berhubung Perceraian serta Keckerapan Penangguhan Kes di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Tesis Modul Praktikum, Diploma Pengurusan Awam, INTAN.
- Khairani Nawawi. (2019). *Tuntutan harta sepencarian dan amalan penyelesaian: Kajian terhadap kes-kes mal di Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2017, 13 Julai). Ulasan kes: Norhayati binti Yusoff lwn Ahmad Shah bin Ahmad Tabrani. *Journal of Shariah Law Research*, 2(2), 255–262.
- Miszari, Sitiris, Akmal Hidayah & Halim. (2010). *Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Kes Kematian*, 22 KANUN (1).
- JKSM, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. *Arahan Amalan No.5 Tahun 2003*.
- Md Yazid Ahmad. (2010). Isu-isu Harta Sepencarian di Malaysia. *Prosiding Seminar Undang-undang Keluarga Islam dan Isu-isu Semasa*, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 21 Mac 2010.
- Rabi'ah Muhammad Serji, Mazliza Mohamad, Safinaz Mohd Hussein, & Mahmud Zuhdi Mohd Nor. (2021). Harta sepencarian: Isu dan konflik perundangan dalam tuntutan selepas kematian dari perspektif undang-undang tanah di Malaysia. *ISLĀMIYYĀT*, 43(Isu khas), 43–53